

295 mangsa banjir tidak dibenar pulang

um 9/1

BEAUFORT 8 Jan. - Seramai 295 mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan Dewan Pak Musa di sini tidak dibenarkan pulang berikutan keadaan paras air Sungai Padas yang masih tidak menentu.

Penolong Pegawai Daerah Beaufort, Mohd. Shaid Othman berkata, mereka yang dipindahkan sejak Jumaat lalu itu terpaksa 'ditahan' sementara sehingga keadaan air sungai benar-benar surut.

Menurutnya, catatan paras air sungai itu pada pukul 5 pagi ini ialah 8.63 meter iaitu di bawah paras bahaya 8.7 meter tetapi naik semula kepada 8.75 meter pada pukul 11 pagi.

Katanya, tindakan tidak membenarkan mereka pulang adalah sebagai langkah berjaga-jaga kerana keadaan cuaca mendung dan kadang-kadang hujan boleh menyebabkan banjir kembali buruk.

"Walaupun ada ketika paras air berada di bawah paras bahaya tetapi oleh kerana ia naik semula pada pukul 11 pagi ini, kita tidak boleh membenarkan mangsa banjir pulang.

"Tambahan pula, lewat petang semalam hujan lebat di sini, begitu juga hari ini dilaporkan hujan di kawasan Tenom yang boleh menyebabkan air Sungai Padas kembali melimpah," katanya.

Beliau memberitahu, mangsa banjir itu adalah penduduk dari lima buah kampung iaitu Kampung Jampangah, Batu 5, Pinunuk, Balibata dan Bakaka.

Sementara itu, Ketua Polis daerah, Deputi Supritendan Dandi Jamal memberitahu, lima buah kampung masih terputus hubungan di daerah itu berikutan banjir ialah Kampung Lago, Suasa, Kabanjang, Lawa dan Selinsing.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pekan Beaufort pula mendapati, urusan perniagaan kembali pulih selepas air di sebahagian kawasan bandar semakin surut.